

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1985/86

HMP 202 - Standardisasi Bahasa Malaysia, Ejaan
Peristilahan dan Perkamusan

Tarikh: 11 April 1986

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 jam)

Jawab EMPAT(4) soalan, SATU(1) daripada setiap Bahagian.

BAHAGIAN A -- (Teori)

1. Bincangkan langkah-langkah yang menentukan bahasa Melayu (Malaysia) sehingga menjadi bahasa Kebangsaan Malaysia. Cuba lihat perkembangan ini sebagai aspek perancangan taraf sesuatu bahasa, dan nilai keberkesanannya.
2. Penilaian adalah satu tahap penting dalam sebarang perancangan. Bincangkan sama ada tahap ini telah dilaksanakan dengan berkesan dalam perancangan bahasa Malaysia.

BAHAGIAN B -- (Ejaan)

3. Sistem Ejaan Rumi yang baru untuk bahasa Malaysia telah diisytiharkan pada tahun 1972. Bincangkan ciri-ciri penting sistem ejaan ini yang membezakannya daripada Sistem Ejaan Sekolah (Zaba). Beri contoh-contoh yang menjelaskan jawapan anda.
4. Penulisan kata-kata majmuk (kata gabung) dan kata-kata pinjaman (asing) merupakan dua masalah rumit yang berlainan dalam sistem ejaan baru. Beri pendapat anda dan syorkan kaedah-kaedah untuk mengatasi masalah.
5. Apakah yang dimaksudkan dengan penyelarasan vokal. Jelaskan dengan contoh.

BAHAGIAN C -- (Peristilahan)

6. Peristilahan adalah penting dalam pemodenan sesuatu bahasa. Bincang peranan Pedoman Umum Pembentukan Istilah dalam penciptaan istilah sekarang dengan melihat kekuatan dan kelemahannya.
7. Bincangkan masalah menggunakan imbuhan asing (Yunani, Latin, dan Inggeris) di dalam pembentukan istilah. Gunakan contoh untuk menjelaskan jawapan anda.
8. Prinsip transkripsi memerlukan bentuk visual istilah asal diutamakan. Bincangkan sebab-sebab prinsip ini dikenakan dengan memberi contoh-contoh yang sesuai.

BAHAGIAN D -- (Perkamusan)

9. Apakah yang dimaksudkan dengan istilah kamus. Bincangkan jenis-jenis kamus dan ciri-ciri yang patut ada pada semua kamus.
10. Nyatakan perkara-perkara yang digunakan dalam memberi definisi sesuatu kata masukan. Sertakan contoh yang sesuai.
11. Apakah maksud istilah-istilah berikut:
 - (a) denotasi
 - (b) konotasi
 - (c) polisim
 - (d) homograf
 - (e) homofon